

# AXCEL CETIRIZINE SYRUP

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Cetirizine Dihydrochloride (5mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Cetirizine Syrup
2. Bagaimana Axcel Cetirizine Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Axcel Cetirizine Syrup
4. Cara menggunakan Axcel Cetirizine Syrup
5. Semasa menggunakan Axcel Cetirizine Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cetirizine Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Axcel Cetirizine Syrup

Axcel Cetirizine Syrup digunakan untuk rawatan simptomatik bermusim. Ia boleh digunakan untuk merawat:

- Rinitis (iritasi dan keradangan membran mucus di dalam hidung).
- Alergik rinitis yang berterusan (Gejala-gejala sepanjang tahun disebabkan oleh alergen dalaman daripada haiwan peliharaan, kulapuk, debu hama dan sisa lipas).
- Urtikaria (kegatalan pada kulit) berasaskan alergik.

## Bagaimana Axcel Cetirizine Syrup berfungsi

Cetirizine merupakan perencat histamine. Ia berfungsi dengan menghalang H1 reseptor periferil terpilih.

## Sebelum mula mengambil Axcel Cetirizine Syrup

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi pada kandungan produk ini.
- Jika anda mengandung pada 3 bulan pertama dan menyusukan bayi.
- Jika ia tidak dipreskripsikan oleh doktor atau ahli farmasi bertauliah kepada anda.

### - Sebelum menggunakan Axcel Cetirizine Syrup

Sebelum anda mengambil Axcel Cetirizine Syrup anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Jika anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Jika anda hamil dan menyusukan bayi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, terutamanya:

- Alkohol atau ubat depresi system saraf pusat yang lain.

## Cara menggunakan Axcel Cetirizine Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Untuk penggunaan oral sahaja.  
*Dewasa:* 10ml (10mg) sekali sehari.

*Kanak-kanak:*

6 tahun ke atas: 5ml (5mg) 2 kali sehari atau 10ml (10mg) satu kali sehari.

Kanak-kanak 2-6 tahun: 2.5ml (2.5mg) 2 kali sehari atau 5ml (5mg) satu kali sehari.

Kanak-kanak 1-2 tahun: 2.5ml (2.5mg) 2 kali sehari.

Bagi pesakit yang mempunyai masalah buah pinggang, dos harus dikurangkan kepada separuh dos seharian.

Ikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat yang diberi di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil

Axcel Cetirizine Syrup mengikut keadaan kesihatan anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Pada pemerhatian awal, dos cetirizine yang berlebihan boleh menyebabkan keresahan dan kerengsaan, diikuti dengan rasa mengantuk. Sekiranya berlaku pengambilan dos yang berlebihan, rawatan haruslah simptomatik atau menyokong, mengambil kira sebarang ubat yang diambil secara serentak.
- Dalam kes terlebih dos yang besar, rawatan cuci gaster haruslah diberi secepat mungkin. Langkah sokongan biasa harus diberikan dan pemerhatian rutin dijalankan secara berkala.

Anda dinasihatkan supaya menghubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axcel Cetirizine Syrup berlebihan.

## Semasa menggunakan Axcel Cetirizine Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda

# AXCEL CETIRIZINE SYRUP

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Cetirizine Dihydrochloride (5mg/5ml)

bahawa anda sedang menggunakan Axcel Cetirizine Syrup.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Cetirizine Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Elakkan pengambilan dos tinggi yang berlarutan.
- Elakkan aktiviti-aktiviti yang memerlukan kepekaan mental.
- Langkah berjaga-jaga khas perlu diberikan kepada kanak-kanak di bawah 2 tahun.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cetirizine Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Sakit kepala.
- Kepeningan.
- Mengantuk.
- Keresahan.
- Kekeringan mulut.
- Ketidakelesaan gastrousus.
- Simptom hipersensitif sekali-sekala.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers -> Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cetirizine Syrup**

- Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cetirizine Syrup dari jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu bawah 30°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

- Pelupusan

Jangan guna Axcel Cetirizine Syrup yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Axcel Cetirizine Syrup adalah sirap jernih tanpa warna dengan perisa pisang.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:  
*Cetirizine Dihydrochloride*

Bahan Tidak Aktif:  
*Refined Sugar, Propylene Glycol, Purified Water, Banana Flavour, Glycerin, Sorbitol, Methylparaben, Sodium Saccharin dan Sodium Citrate.*

- Nombor MAL

MAL20040893A

**Pengilang**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**  
KOTRA PHARMA (M) SDN BHD  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
06/08/2014